

EMILY dan keluarganya tinggal di sebuah rumah perlindungan sementara di tapak rumah lamanya di San Jose, Filipina.

SUASANA di Tacloban, Filipina selepas dilanda taufan Haiyan setahun lalu.



# Detik sukar pasca Haiyan

Ibu-ibu mangsa taufan Haiyan, Filipina bukan sahaja terpaksa melahirkan bayi di celahan runtuh bangunan malah berdepan detik sukar apabila kekurangan bahan makanan dan rawatan perubatan.

*kosmo 2  
25/5/2015  
mis 25*

**E**MILY SAGALIS melahirkan bayinya di tepi bongkah-bongkah konkrit selepas taufan Haiyan melanda negara itu dan membunuh beribu-ribu orang. Bagi ibu-ibu muda di Filipina mereka menempuh kehidupan yang sukar bersama bayi-bayi yang baru dilahirkan.

Kira-kira 250,000 wanita hamil di kawasan yang dilanda taufan Haiyan setahun lalu. Seminggu selepas bencana itu, bayi-bayi dilahirkan bersebelahan mayat-mayat yang bergelimpangan di bawah runtuh bangunan musnah. Ibu-ibu tersebut terbaring keletihan tanpa mendapat rawatan perubatan.

Penghantaran bantuan berjaya menyelamatkan Emily dan keluarga dalam menghadapi bencana yang dahsyat tersebut. Ia juga memberi harapan kepada mangsa-mangsa lain yang dalam keadaan trauma setelah berjuang menyelamatkan diri daripada menjadi korban taufan itu.

Angin yang kuat memusnahkan keseluruhan bandar yang didiami oleh keluarga petani dan nelayan miskin serta membunuh 7,350 orang.

"Bayi ini adalah keajaiban bagi saya. Ketika bersalin, saya tidak menaruh harapan untuk hidup kerana bimbang dihanyutkan ombak besar," kata Emily, 21, kepada AFP. Ketika melahirkan anaknya, Bea Joy dia terbaring di sebelah runtuh konkrit.

Kelahiran itu berlaku selepas tiga hari Haiyan mengganas di tengah-tengah runtuh lapangan terbang di Tacloban iaitu salah satu bandar yang paling teruk terjejas.

Emily terselamat daripada taufan Haiyan yang membunuh ibu mertuanya. Dia berpaut pada pagar rumah bagi mengelakkan dirinya dibawa ribut itu sambil satu tangan lagi melindungi perutnya yang sarat mengandung.

Dia kemudiannya berehat di pusat pemindahan bersama beratus-ratus



JOBERT (kanan) menjadi buruh kasar demi mencari sesuap nasi untuk keluarganya.

mangsa lain sebelum dikejarkan ke hospital sementara yang dibangunkan oleh tentera untuk melahirkan bayinya di lapangan terbang Tacloban.

Bagaimanapun, menurut Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNICEF) dan kumpulan penyelamat Kanak-kanak, terdapat ramai ibu dan bayi meninggal dunia kerana kekurangan rawatan perubatan dan zat makanan, penyakit serta komplikasi lain akibat bencana Haiyan.

"Kematian bayi-bayi baru lahir meningkat dalam masyarakat yang terjejas akibat dilanda bencana itu.

"Begitupun, tiada angka rasmi jumlah bayi yang meninggal dunia selepas bencana tersebut. Seramai 750 bayi dilahirkan setiap hari ketika akses kepada rawatan perubatan paling teruk di kawasan tersebut," kata Pengarah kumpulan Penyelamat Kanak-kanak, Ned Olney.

Tambah Olney, pihaknya adalah sebuah organisasi yang memainkan peranan dalam menyediakan bantuan kepada bayi-bayi yang baru lahir dan kanak-kanak.

"Di kawasan bencana, bayi-bayi dilahirkan di tepi-tepi jalan dan mana-mana ada ruang dalam keadaan tidak bersih adalah perkara biasa.

"Jangkitan, penyakit pernafasan dan hipotermia adalah pembunuhan utama bayi yang baru lahir dalam bencana taufan Haiyan,"katanya.

### Pondok

Bagi bayi yang terselamat pula mereka perlu menempuh kehidupan dalam kemiskinan.

Emily dan suaminya, Jobert menghabiskan beberapa bulan pertama selepas bencana itu di sebuah pondok berdekatan tapak rumah lamanya di San Jose iaitu sebuah pekan kecil nelayan yang menghadap ke Lautan Pasifik di pinggir Tacloban.

Ketika AFP melawat mereka tiga bulan selepas Haiyan, keluarga itu benar-benar bergantung kepada sumbangan organisasi-organisasi bantuan seperti makanan, wang dan bantuan lain.

Hidup di lokasi kematian begitu banyak menghantui mangsa.

Bagaimanapun, sekurang-kurangnya tempat tinggal mereka penuh dengan guni beras yang didermakan dan barangan dalam tin.

Kumpulan amal telah menubuhkan khemah di kawasan berhampiran bencana untuk memberi makanan panas kepada ibu-ibu dan anak-anak mereka.

Setahun selepas taufan, Jobert, Emily dan Bea hidup dalam keadaan daif.

Mereka tinggal di tempat perlindungan sementara yang dibina oleh sekumpulan bantuan Kanada di sebelah rumah lama mereka.

Begitupun, ia tidak mempunyai bekalan elektrik, tandas dan air, malah dinding daun kelapa tidak boleh menahan hujan lebat.

Kehidupan mereka semakin susah beberapa minggu lalu stok makanan berkurangan, Jobert perlu mendapatkannya di kedai dan menghabiskan hari-hari tanpa menjamah makanan.

"Saya tidak boleh membiarkan mereka kelaparan. Kadang-kadang saya menangis tetapi selagi mereka boleh makan, saya akan rasa lega," kata Jobert yang kurus kering.

Mereka cuba keluar daripada kesempitan hidup itu dengan Jobert bekerja buruh secara kontrak selama dua bulan dengan bayaran 260 peso (RM21.60) sehari.

Sementara itu, Olney berkata, nasib keluarga Sagalis itu adalah perkara biasa di kawasan-kawasan dilanda taufan yang juga antara tempat paling miskin di Filipina.

"Mereka sebelum ini hidup dalam kemiskinan dan dilanda taufan pula," ujarnya.

Sebanyak 25 juta orang hidup di bawah garis kemiskinan di seluruh Filipina atau kira-kira satu perempat daripada penduduknya. Seolah-olah tidak ada harapan untuk memulihkan kehidupan mangsa-mangsa taufan itu. - AFP